

20 jenis barangan kawalan raya

B/H 3/8/12 MS 9.

» Ayam, telur antara turun harga

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah@bharian.com.my

► Putrajaya

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), semalam, mengumumkan harga maksimum bagi 20 jenis barangan kawalan di bawah Skim Kawalan Harga Musim Perayaan sempena Aidilfitri.

Menterinya, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata harga barangan terkawal tahun ini menyaksikan penurunan bagi beberapa barangan berbanding tahun lalu.

Contoh barangan harga terkawal yang mengalami penurunan harga berbanding tahun lalu termasuk ayam dari RM7.20 kepada RM6.80 sekilogram (kg), telur gred A dari 36 sen kepada 35 sen sebiji, cili merah dari RM11 kepada RM10 sekg dan bawang besar dari RM3 ke RM2.50 sekg.

“Secara keseluruhannya, walaupun persepsi ramai mengatakan harga barangan naik, jelas banyak barangan



yang mengalami penurunan harga dan ada yang jauh lebih rendah.

“Barangan seperti produk pertanian dan ternakan ini bergantung kepada faktor penawaran. Contohnya, saya difahamkan oleh Persatuan Penternak Ayam bahawa bekallannya sekarang banyak, jadi harganya turun.

“Sementara itu, bekalan bawang putih berkurangan disebabkan masalah cuaca di China, menyebabkan harganya naik. Ini yang kita nak pengguna faham,” katanya pada sidang media mengumumkan harga siling barangan harga terkawal, Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2012 di sini, semalam.

Ismail Sabri turut mengingatkan peniaga supaya tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barangan melebihi harga siling yang ditetapkan.